



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bayaran ubat di klinik swasta lebih mahal hingga 75 peratus

Tanggung pelbagai kos operasi didakwa punca perbezaan ketara dengan farmasi komuniti

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Klinik swasta mengenakan bayaran ubat biasa dan ubat jangka panjang lebih mahal antara 23 peratus hingga 75 peratus berbanding farmasi komuniti.

Berdasarkan tinjauan *BH*, sebagai contoh klinik swasta menjual ubat paracetamol 500 miligram (mg) pada harga sekitar RM1 sebij, tetapi ada farmasi yang menawarkan harga serendah 25 sen sebij.

Pil salbutamol sulphate yang biasa digunakan berkaitan batuk akibat asma pula harganya sekitar RM1 sebij di klinik swasta namun boleh dibeli di farmasi antara 25 sen hingga 45 sen sebij.

Begitu juga ubat terkawal bagi kolesterol, atorvastatin 20mg sekotak mengandungi 30 biji yang dijual sekitar RM160 di klinik manakala RM122 di farmasi.

Satu jenama pil antiarlegik

4mg dijual di klinik pada harga RM1 sebij tetapi diperoleh di farmasi pada harga 30 sen sebij.

Menurut Presiden Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM), Dr Boi Saidi B Abd Razak, perbezaan ketara harga ubat di kedua-dua premis itu berpunca daripada kaedah pembelian yang mana farmasi lazimnya membeli stok ubat dalam kuantiti besar sekali gus mampu mendapatkan harga lebih rendah daripada pembekal.

Katanya, sebaliknya di klinik swasta, kuantiti ubat yang dibeli secara umumnya tidak banyak, sekali gus harga yang diberikan pembekal jauh lebih tinggi berbanding farmasi.

"Pada masa sama, klinik swasta juga turut menanggung pelbagai kos lain termasuk sewa premis, gaji kakitangan, lesen papan tanda, bil utiliti serta kursus berkala untuk pembaharuan lesen perubatan.

"Perbezaan harga ubat antara klinik swasta dan farmasi komuniti itu tidaklah terlalu tinggi," katanya kepada *BH*, semalam.

Wajib pamer harga ubat

Bermula 1 Mei lalu, Kementerian Kesihatan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) me-

Eksklusif

nguatkuasakan peraturan mewajibkan klinik swasta mempamerkan harga ubat mengikut Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencaatan (Penandaan Harga Ubat) 2025.

Bagaimanapun, KKM menegaskan tiada saman akan dikeluarkan sepanjang tempoh tiga bulan advokasi.

Penguatkuasaan itu dibantah oleh pengamal perubatan am (GP) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Dr Boi Saidi berkata, PERDIM dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kesihatan membantah pelaksanaan paparan harga di premis klinik swasta

berikutan ia bertindih dengan dua akta sedia ada yang mengawal selia perkhidmatan klinik swasta hingga menyebabkan kekeliruan dan membebankan aspek pentadbiran.

"Campur tangan dalam sektor kesihatan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Akta



KPDN mewajibkan klinik swasta mempamerkan harga ubat mulai 1 Mei lalu. (Foto Yazit Razali/BH)

Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) juga dilihat tidak begitu munasabah.

"Ini kerana tiada kawalan harga ubat yang rasmi di negara ini dan pelaksanaan penguatkuasaan boleh menimbulkan kekeliruan serta pertindihan bidang kuasa," katanya.

Beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap kemungkinan klinik swasta dikenakan kompaun atau hukuman penjara atas kesalahan teknikal yang kecil, tanpa budi bicara yang munasabah daripada pihak penguat kuasa.

"Sehingga kini tiada akta khusus yang mengawal selia urusan tadbir syarikat insurans, pengendali pihak ketiga (TPA) atau pengurus manfaat (MCO), sedangkan penetapan harga ubat sepatutnya menjadi bidang kuasa klinik itu sendiri.

"Penguatkuasaan paparan harga ubat di klinik swasta juga tidak membawa kesan yang signifikan kepada pesakit kerana ia tidak menggambarkan jumlah sebenar kos rawatan yang perlu ditanggung oleh mereka," jelasnya.



Dr Boi Saidi



Dr Dzulkefly pada sesi taklimat media Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan 2025 - 2030 di Putrajaya, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Tiada denda tak pameran harga ubat tempoh 3 bulan

Putrajaya: Tahap pemuatan terhadap Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Ubat) 2025 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei lalu adalah memuaskan, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau sekali lagi menegaskan tiada denda atau kompaun akan dikenakan terhadap farmasi dan klinik swasta dalam tempoh tiga bulan jika gagal melaksanakan pemaparan ubat kerana tumpuan Kementerian adalah pada aspek pendidikan terlebih dahulu.

"Tiga bulan diperlukan bagi semua pihak untuk lebih jelas dan

lebih tahu mengenai hal yang terkait serta bagaimana untuk membuat paparan ubat.

"Saya sempat ke tiga farmasi dan klinik swasta semalam dan mereka telah menunjukkan kepada saya kaedah yang mereka gunakan untuk paparan ubat, termasuk dalam bentuk kod respons pantas (QR)," katanya pada sesi taklimat media Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan 2025-2030 di sini, semalam.

Dzulkefly berharap semua fasiliti kesihatan swasta dapat bersama-sama KKM dalam menja-nyakan perintah berkenaan.

"Saya yakin semua akan turut

serta dalam perkara ini. Pihak kami juga akan mengadakan libat urus dengan pengamal perubatan swasta (GP) untuk kita membantu dalam aspek pemuatan," katanya.

Bermula 1 Mei 2025, semua premis klinik dan farmasi komuniti wajib memaparkan harga ubat yang dijual di premis masing-masing kepada pengguna.

Arahan itu dikuatkuasakan menerusi pewartaan Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 yang menetapkan semua ubat perlu disertakan dengan tanda harga yang jelas, sa-

ma ada di rak pameran, katalog atau senarai harga bertulis.

Sokong larang vape

Mengenai larangan penjualan produk rokok elektronik (*vape*) di Terengganu, Dr Dzulkefly menyambut baik usaha itu dan KKM terus mempertingkatkan penguatkuasaan dan kawal selia menerusi Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Media melaporkan kerajaan Terengganu akan menguatkuasakan larangan penjualan *vape* di semua premis seluruh negeri mulai 1 Ogos ini. BERNAMA

Kuala Lumpur: Pengurangan subsidi telur ayam mulai 1 Mei lalu tidak menjejaskan harga runcit buat masa ini apabila tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya mini mendapati harganya kekal stabil.

Tinjauan Harian Metro di sekitar ibu kota semalam mendapati purata harga telur gred A bagi 30 biji (sepapan) dijual pada harga RM13 hingga RM13.50, manakala gred B antara RM12 hingga RM12.50, gred C RM10 ke RM11, Gred D RM9 hingga RM10.

Pembantu kedai runcit, Muhammad Zaki Isa berkata, tiada arahan daripada pembekal untuk menaikkan harga buat masa ini.

Katanya, dia menjual telur mengikut harga pasaran dan tiada kenaikan dikenakan setakat ini.

"Saya ada dengar pengurangan subsidi tapi tak berapa tahu sangat bagaimana pelaksanaannya.

"Pembekal kata harga kekal dulu, mungkin mereka tunggu arahan selanjutnya. Kalau naik pun, kami peniaga kecil terpaksa ikut," katanya.

Bagi penjual kek dan roti, Linda Norainon Saroni berkata, buat masa ini dia masih mengekalkan harga dan tiada peningkatan walaupun subsidi dikurangkan.

"Saya selalu guna telur gred AA dan harga memang antara RM14 hingga RM15, malah sejak bulan lalu hingga sekarang harga kek saya masih biasa belum ada kenaikan.

"Harga telur saya harap tak naik mendadak selepas ini sebab untuk kami pe-

PENGURANGAN SUBSIDI TELUR

'Tiada arahan pembekal untuk naikkan harga'



KERAJAAN mengumumkan bahawa subsidi telur ayam akan dikurangkan daripada RM0.10 kepada RM0.05 sebiji mulai 1 Mei dan akan ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos 2025.

niaga bakeri memang paling banyak menggunakan bahan mentah seperti telur," katanya.

Menurutnya, harga telur tidak banyak berbeza berbanding kedai runcit dan pasar raya, tetapi bahan untuk membuat kek lain

yang dilihat naik ketara seperti 'Ovallette'.

Sementara itu, peniaga nasi lemak, Azizah Yusof, turut menyatakan bahawa dia tidak bercadang menaikkan harga makanan berasaskan telur.

"Kalau naik harga telur

nanti, mungkin kena fikir. Tapi setakat ni, telur rebus dan telur mata masih RM1 sebiji.

"Setakat ini, harga telur masih stabil dan senang didapati berbanding sebelum ini nak dapatkan telur sepapan pun sukar, namun

kami peniaga berharap dengan pengurangan subsidi harga telur dijual tak terlalu tinggi," katanya.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan bahawa subsidi telur ayam akan dikurangkan daripada RM0.10 kepada RM0.05 se-

biji mulai 1 Mei dan akan ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos 2025.

Langkah ini diambil selepas mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam kekal mencukupi dan terjamin.

KPKM perbanyak keluaran telur gred khas lebih murah

KUALA TERENGGANU - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperbanyak keluaran telur ayam gred khas yang lebih murah susulan penamatan subsidi bagi produk itu bermula 1 Ogos ini.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah itu memberi peluang kepada rakyat mendapatkan bekalan pada harga lebih murah sekali gus menstabilkan harga telur ayam.

"Kita juga nak memperbanyak keluaran telur ayam khas yang lebih murah (seperti pada) bulan Ramadan baru-baru ini (yang) dijual RM5 sepapan.

"Kali-ini, tak tahu harganya macam mana tetapi kita yakin tidak akan naik melambung," katanya.

Pada 30 April lepas, KPKM ketika mengumumkan penarikan subsidi berkenaan turut memaklumkan beberapa langkah intervensi akan dilaksanakan oleh kementerian itu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi meminimumkan impak terhadap kos sara hidup rakyat susulan keputusan itu.

Antaranya kerajaan memberi jaminan bahawa pihak industri bersetuju memperkenalkan telur ayam gred khas pada harga munasabah.

Mohamad berkata, rakyat juga boleh mendapatkan bekalan telur ayam pada harga yang lebih kompetitif melalui inisiatif Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah di seluruh negara.

Selain itu, beliau berkata, keputusan kerajaan menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi dan kawalan harga telur ayam serta mengurangkan kadar subsidi daripada 10 sen kepada 5 sen sebij yang berkuat kuasa 1 Mei lepas, dibuat secara libat urus bersama pihak berkepentingan.

"Kita juga buat secara *soft landing*, tak tarik secara mengejut. Maka saya yakin harga telur ayam tidak naik melambung," katanya. - *Bernama*



MOHAMAD SABU

**PENARIKAN
SUBSIDI TELUR**

Ministry to boost supply of special grade eggs after subsidy removal

KUALA TERENGGANU: The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) will increase the production of lower-priced special grade chicken eggs following the government's decision to end egg subsidies beginning Aug 1, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said this would provide the public with more affordable egg options while helping to stabilise prices.

"We also aim to increase the supply of cheaper special eggs like those sold during Ramadan (March) recently, which were priced at RM5 per tray.

"This time, we're not sure what the price will be, but we are confident it will not spike uncontrollably," he told reporters after attending Terengganu Pakatan Harapan's (PH) Aidilfitri Open House on Sunday.

On April 30, KPKM announced the subsidy removal and stated that several intervention measures would be implemented jointly with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to minimise the impact on the people's cost of living.

Among these measures, the government has secured the industry's commitment to introduce special grade eggs at

reasonable prices.

Mohamad said, in addition to special grade eggs, the public can obtain competitively priced eggs through nationwide initiatives such as Jualan Agro MADANI and Jualan Rahmah.

He also emphasised that the decision to completely end both the egg subsidy and price controls—as well as the reduction in subsidy rate from RM0.10 to RM0.05 per egg effective May 1—was made through stakeholder engagement.

"The decision was made via consultation. We negotiated first with egg producers and industry players. We also implemented the removal in a soft landing manner, not abruptly. Hence, I believe egg prices will not surge," he said.

Meanwhile, he also encouraged the cultivation of local young coconuts, especially aromatic varieties like pandan coconuts, in response to rising demand from China.

"This presents an opportunity, for example, for Terengganu with its vast land area to focus on this crop which can generate good income. China has a population of over 1.4 billion, with more than 800 million having spending power... this is a real economic opportunity," he said. — Bernama

MMA confirms private doctors' protest on May 6

KUCHING: The Malaysian Medical Association's (MMA) private practitioners section is going ahead with its protest walk scheduled for May 6 in Putrajaya.

Its chairman Datuk Dr Parmjit Singh Kuldip Singh said the walk is not a protest against the medicine price display, but an objection to the use of Act 723 on the medical profession.

"We have submitted all the necessary documents informing the relevant authorities about the protest walk scheduled for May 6 in Putrajaya, and if there

are no objections, it will go ahead as planned.

"Everything will be done within the confines of the law. The walk is to voice the medical fraternity's deep disappointment and frustration over the use of Act 723—a non-medical Act—on the profession," he said.

The protest walk also wants to address the many unanswered questions regarding the implementation of medicine price display; and the 33-year stagnation of private general practitioner (GP) consultation

fees.

Dr Parmjit said the gathering will be attended by other doctors' associations, and will culminate in the handing over of a memorandum to the Prime Minister's Office.

The mandatory display of medicine prices at private healthcare facilities, enforced under Act 723, came into effect on May 1, following a joint announcement by the Health Ministry and Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

Kos hidup tinggi paksa rakyat buat dua kerja

Dari muka 15

"Paling membimbangkan, kurang rehat boleh menjejaskan prestasi kerja utama. Bila kerja utama terganggu, maka punca pendapatan utama pun boleh hilang," jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi di Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Abdul Rais Abdul Latiff berkata, fenomena rakyat mengusahakan dua pekerjaan ini juga mencerminkan kegagalan sistem pasaran buruh dalam menawarkan gaji yang setimpal dengan kos sara hidup semasa.

Ujarnya, ramai rakyat tidak mempunyai pilihan selain mencari pendapatan tamba-

han apabila gaji sedia ada tidak mampu menampung keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pendidikan anak-anak.

"Kita dapati majoriti yang buat dua kerja adalah dari sektor berpendapatan rendah hingga pertengahan," katanya.

Katanya, ketidakseimbangan antara pertumbuhan gaji dan kadar inflasi menjadi antara punca utama rakyat terpaksa melakukan dua pekerjaan.

"Jika kenaikan gaji tahunan hanya dua peratus, sedangkan inflasi barangan asas seperti makanan mencecah lima



**BASHIR AHMAD
SHABIR AHMAD**

hingga enam peratus setahun, jurangnya semakin besar dan lama-kelamaan ia menjerut rakyat," jelasnya.

Mengulas mengenai implikasi jangka panjang, beliau berkata, kebergantungan kepada kerja kedua bukan pe-



**ABDUL RAIS
ABDUL LATIFF**

nyelesaian mampan, sebaliknya boleh memberi kesan kepada produktiviti tenaga kerja dan kesejahteraan sosial negara.

"Individu yang terlalu letih kerana bekerja siang malam berisiko hilang tumpuan, terdedah kepada kemalangan jalan raya dan tidak dapat memberi komitmen kepada kerja utama," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan perlu memperkenalkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan dasar gaji progresif, perluasan perlindungan sosial serta inisiatif peningkatan kemahiran pekerja agar

mereka dapat beralih kepada pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih tinggi.

"Selagi struktur ekonomi kita tidak berubah dan majikan masih membayar gaji minimum untuk kerja maksimum, rakyat akan terus terperangkap dalam kitaran bekerja lebih untuk mendapat kurang," jelasnya.

Antara pendekatan yang disarankan termasuk pelaksanaan struktur gaji progresif yang lebih adil, perluasan jaringan keselamatan sosial kepada pekerja sektor tidak formal, serta pengukuhan latihan kemahiran semula agar rakyat dapat beralih kepada pekerjaan bernilai tinggi.

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Sasaran defisit fiskal negara masih berada dalam landasan boleh dicapai malah berupaya mencatat pencapaian lebih baik namun hanya jika langkah rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan secara tegas tanpa sebarang penangguhan lagi.

Perunding Kanan Global Asia Consulting Samirul Ariff Othman berkata, penangguhan perluasan SST menyebabkan kerajaan kehilangan potensi kutipan RM730 juta pada bulan ini sahaja.

Pada masa sama katanya, harga minyak global yang semakin rendah menjejaskan hasil negara secara signifikan kerana setiap kejatuhan AS\$1 dalam harga minyak mengurangkan 'kantung kerajaan' antara RM300 juta hingga RM350 juta.

"Kesannya, dua sumber hasil penting, peluasan SST dan minyak terjejas serentak. Ini memberi tekanan kepada sasaran hasil negara RM339.7 bilion untuk 2025 yang kini dijangka menurun kepada RM336.9 bilion.

"Sasaran defisit fiskal masih boleh dicapai atau lebih baik, tetapi hanya jika langkah rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan SST dilakukan dengan tegas tanpa penangguhan tambahan," katanya kepada BH.

Kerajaan kekal komited kepada penyatuan fiskal, dengan menyasarkan defisit fiskal lebih kecil sebanyak 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2025.

Belanjawan 2025 mem-babitkan peruntukan



HARGA minyak global yang semakin rendah menjejaskan hasil negara secara signifikan kerana setiap kejatuhan AS\$1 dalam harga minyak mengurangkan 'kantung kerajaan' antara RM300 juta hingga RM350 juta.

PERLU SEGERA RASIONALISASI SUBSIDI, LAKSANA SST

HILANG POTENSI KUTIPAN RM730J

RM421 bilion iaitu belanjawan tertinggi pernah diumumkan dengan RM335 bilion untuk belanja mengurus, RM86 bilion bagi pembangunan, tidak termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

Berdasarkan Belanjawan 2025, kerajaan menyasarkan harga minyak pada AS\$75 hingga AS\$80 setong tahun ini namun perkembangan tidak menentu di peringkat antarabangsa menyebabkan harganya sekitar AS\$60 setong sekarang.

Sementara itu, peluasan skop SST yang dijadual

bermula Mei ini sebagai mana diumumkan dalam Belanjawan 2025, akan dilaksanakan pada tarikh kemudian, kata jurucakap Kementerian Kewangan kepada Bernama baru-baru ini ketika diminta mengesahkan laporan mengenai penangguhan itu.

Jurucakap itu berkata, kementerian juga selesai melakukan sesi libat urus dengan pelbagai industri di seluruh negara dalam memuktamadkan skop peluasan

dan kadar cukai berkaitan.

Menurutnya, garis panduan dan skop itu sedang diperhalusi bagi memastikan pelaksanaan lancar.

Ditanya cara kerajaan menambah pendapatan, Samirul berkata, pilihan yang mungkin diambil ialah mempercepatkan pelaksanaan SST yang ditangguh.

"Walaupun tarikh digazetkan kepada 1 Jun, kerajaan perlu pastikan pelaksanaan-nya tidak tertangguh lebih lanjut.

lanjut.

"Kerajaan juga boleh melaksanakan cukai baharu. Contohnya, memperluas cukai digital, cukai karbon atau meningkatkan cukai barangan mewah atau import.

"Selain itu, meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan cukai pendapatan individu dan korporat.

"Penstrukturan semula subsidi dengan menukar subsidi pukal kepada subsidi bersasar seperti dalam pelaksanaan RON95 bersasar yang dijangka menjimatkan RM4.5 bilion," katanya.

Kerajaan menangguhkan pelaksanaan SST kepada 1 Jun 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-May	Jangan manipulasi harga ubat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1214139/jangan-manipulasi-harga-ubat	HARIAN METRO
5-May	Persatuan pengguna sokong papar harga ubat elak dimanipulasi	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/persatuan-pengguna-sokong-papar-harga-ubat-elak-dimanipulasi	RTM
5-May	Perintah pemaparan harga ubat: Tiada saman sepanjang 3 bulan - KKM	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/05/1214114/perintah-pemaparan-harga-ubat-tiada-saman-sepanjang-3-bulan-kkm	HARIAN METRO
5-May	Arahan pamer harga ubat beri impak besar kepada poket rakyat	https://www.sinarharian.com.my/article/726227/suara-sinar/analisis-sinar/arahan-pamer-harga-ubat-beri-impak-besar-kepada-poket-rakyat	SINAR HARIAN
5-May	Tanda harga ubat: Tiada saman sepanjang tiga bulan penguatkuasaan pendidikan - KKM	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1391386/tanda-harga-ubat-tiada-saman-sepanjang-tiga-bulan-penguatkuasaan	BERITA HARIAN
5-May	Tiada apa-apa tindakan tiga bulan pertama pelaksanaan tanda harga ubat – KKM	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/tiada-apa-apa-tindakan-tiga-bulan-pertama-pelaksanaan-tanda-harga-ubat/#google_vignette	UTUSAN
5-May	Pamer harga ubat: Tiada saman dalam tempoh 3 bulan – KKM	https://www.buletintv3.my/nasional/pamer-harga-ubat-tiada-saman-dalam-tempoh-3-bulan-kkm/#google_vignette	TV3
5-May	KPDN nafi dakwaan ugut keluar kompaun kepada klinik perubatan swasta	https://www.tvsarawak.my/2025/05/02/kpdn-nafi-dakwa-an-ugut-keluar-kompaun-kepada-klinik-perubatan-swasta/	TVS

5-May	Paparan harga ubat tidak jejaskan pendapatan pengamal perubatan – CAP	https://malaysiagazette.com/2025/05/02/paparan-harga-ubat-tidak-jejaskan-pendapatan-pengamal-perubatan-cap/	MALAYSIA GAZETTE
5-May	Tiga bulan pendekatan advokasi sebelum penguatkuasaan harga ubat	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-bulan-pendekatan-advokasi-sebelum-penguatkuasaan-harga-ubat-519041	ASTRO AWANI
5-May	Penandaan harga ubat: KPDN yakin tidak berlaku manipulasi harga	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/penandaan-harga-ubat-kpdn-yakin-tidak-berlaku-manipulasi-harga/	UTUSAN
5-May	Domestic trade ministry denies enforcers threatened clinics yet to display drug prices, says visits were only routine	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/05/02/domestic-trade-ministry-denies-enforcers-threatened-clinics-yet-to-display-drug-prices-says-visits-were-only-routine/175314	MALAYMAIL
5-May	Drug price display: No fines during three-month grace period, say ministries	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/05/02/authorities-will-not-issue-compounds-in-grace-period-for-new-medicine-price-display-law	THE STAR
5-May	Tidak pernah larang, kawal harga ubat di klinik, farmasi – KPDN	https://www.kosmo.com.my/2025/05/02/tidak-pernah-larang-kawal-harga-ubat-di-klinik-farmasi-kpdn/	KOSMO
5-May	Clinics cry foul as enforcement officers issue ultimatums over medicine price display	https://www.theborneopost.com/2025/05/02/clinics-cry-foul-as-enforcement-officers-issue-ultimatums-over-medicine-price-display/	THE BORNEO POST

5-May	Kumpulan persatuan pengguna sambut baik penguatkuasaan pameran harga ubat	https:// www.sinarharian.com.my/ article/726226/berita/ nasional/kumpulan- persatuan-pengguna- sambut-baik- penguatkuasaan-pamer-	SINAR HARIAN
5-May	Majoriti fasiliti kesihatan swasta bersetuju wajibkan paparan harga ubat	https:// www.tvsarawak.my/2025/05/ 02/majoriti-fasiliti-kesihatan- swasta-bersetuju-wajibkan- paparan-harga-ubat/	TVS
5-May	Perancangan Kerajaan Negeri atasi kenaikan kos sara hidup	https://negerikita.org/ perancangan-kerajaan- negeri-atasi-kenaikan-kos- sara-hidup/	NEGERI KITA
5-May	Harga kawalan telur masih sama meskipun subsidi turun - KPDN	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/05/1391384/ harga-kawalan-telur-masih- sama-meskipun-subsidi-	BERITA HARIAN
5-May	Pengusaha telur tak boleh naikan harga telur sesuka hati – KPDN	https://suara.tv/02/05/2025/ pengusaha-telur-tak-boleh- naikkan-harga-telur-sesuka- hati-kpdn/	SUARA TV
5-May	Penarikan subsidi telur: KPKM akan perbanyak keluaran telur gred khas – Mohamad Sabu	https:// www.astroawani.com/berita- malaysia/penarikan-subsidi- telur-kpkm-akan- perbanyak-keluaran-telur- gred-khas-mohamad-sabu-	ASTRO AWANI
5-May	Penarikan subsidi telur: KPKM akan perbanyak keluaran telur gred khas	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/257636/penarikan- subsidi-telur-kpkm-akan- perbanyak-keluaran-telur-	DAILY EXPRESS
5-May	Penarikan subsidi telur: KPKM akan perbanyak keluaran telur gred khas	https://www.bernama.com/ bm/news.php?id=2419575	BERNAMA

5-May	Ministry to boost supply of special grade eggs after subsidy removal	https://www.theborneopost.com/2025/05/04/ministry-to-boost-supply-of-special-grade-eggs-after-subsidy-removal/	THE BORNEO POST
5-May	Mohamad Sabu: Egg prices unlikely to spike despite subsidy removal	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/05/1211415/mohamad-sabu-egg-prices-unlikely-spike-despite-subsidy-removal#google_vignette	NST
5-May	Penarikan subsidi telur: KPKM akan perbanyak keluaran telur gred khas	https://thesun.my/cerita/berita/penarikan-subsidi-telur-kpkm-akan-perbanyak-keluaran-telur-gred-khas-mohamad-PG14035749	THE SUN
5-May	Mat Sabu: More special grade eggs coming as Malaysia ends subsidies in August	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/05/04/mat-sabu-more-special-grade-eggs-coming-as-malaysia-ends-subsidies-in-august/175569#google_vignette	MALAYMAIL